

## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELEPASAN GST KE ATAS PENGIMPORAN *BIG TICKET ITEMS***

### **Pengenalan**

Di dalam Bajet 2018, Kerajaan telah mengumumkan pelepasan GST diberikan ke atas pengimportan *big ticket items* (BTI) seperti kapal terbang, kapal laut dan pelantar minyak. Pelepasan yang diberikan adalah terhad kepada sektor penerbangan, perkapalan serta minyak dan gas yang dijalankan secara langsung.

### **Kriteria Kelayakan Pelepasan GST**

1. Pemohon adalah merupakan syarikat penyedia perkhidmatan sektor penerbangan, perkapalan dan minyak dan gas;
2. Syarikat penerbangan yang memohon mestilah pada setiap masa memegang Lesen Perkhidmatan Udara (ASL) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM);
3. Syarikat perkapalan yang memohon mestilah pada setiap masa memegang Lesen Perkapalan Dalam Negeri (DSL) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT);
4. Syarikat minyak dan gas yang memohon mestilah mempunyai Perjanjian Perkongsian Pengeluaran (PSC) serta menjalankan aktiviti petroleum hulu;
5. BTI yang dipohon adalah untuk kegunaan pengguna terakhir (*end user*); dan
6. Bagi permohonan yang dikemukakan kepada Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2018.

### **Syarat Pelepasan**

1. Pelepasan hanya diberi kepada pengimportan yang dibuat oleh pemohon dan bukannya dibuat oleh lain-lain syarikat dalam kumpulan yang sama atau anak syarikat;

2. BTI tersebut mesti digunakan sepenuhnya oleh pemohon bagi tujuan *wholly taxable supply* dan tidak boleh dipajak, disewa atau dilupus kepada mana-mana pihak;
3. BTI yang dimaksudkan adalah terhad kepada kapal terbang, kapal laut dan pelantar minyak;
4. Pengimportan barangan lain seperti peralatan, enjin, *spare parts*,engkapan dan lekapan (*fixtures and fittings*) sama ada secara bersekali dengan BTI atau berasingan tidak layak untuk pelepasan ini; dan
5. Apa-apa BTI yang diberikan pelepasan hendaklah tidak dilupuskan, dijual, dipindahkan dalam negara atau tidak diakaunkan, dengan syarat bahawa bayaran GST telah dibuat.

### **Cara Memohon**

Syarikat perlu mengemukakan surat permohonan dengan disertakan dokumen/maklumat seperti di berikut:

- i. Perjanjian perolehan BTI serta maklumat pengimportan;
- ii. Senarai (*inventory*) bagi BTI yang berkenaan. Senarai (*inventory*) tersebut hendaklah mengandungi butir-butir berikut:
  - a. Pengenalan dan Nama (Diskripsi) BTI;
  - b. Jenama, No. Siri, No. Model serta maklumat terperinci BTI;
  - c. Nilai C.I.F BTI (matawang Malaysia);
  - d. Tempat/pelabuhan/lapangan terbang BTI diimport/di bawa masuk;
  - e. Tempat/pelabuhan/lapangan terbang BTI ditempatkan;
  - f. Tarikh BTI diimport dan no. daftar borang K1; dan
  - g. Kuantiti BTI.

- iii. Salinan geran atau hak milik dan lain-lain dokumen yang berkaitan.

Permohonan lengkap berserta dokumen/maklumat hendaklah dikemukakan kepada:

**Setiausaha Bahagian Cukai  
Perbendaharaan Malaysia  
Aras 6 & 7, Blok Tengah  
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia  
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2  
62592 PUTRAJAYA**

*\* Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa berhak memohon maklumat tambahan selain dinyatakan di atas bergantung kepada permohonan yang dikemukakan*